

**KONFLIK DI SELATAN THAILAND: SATU KAJIAN DAN ANALISIS
DEMONSTRASI TAKBAI**

oleh

KHOSALEE AWAE

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Politik**

Disember 2013

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Alhamdulilah, syukur ke hadrat kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat baginda kerana membawa petunjuk dan iman kepada sekalian umat Islam.

Pertamanya, ucapan penghargaan tidak terhingga buat Penyelia Professor. Dr. Kamarulzaman Askandar dan isteri Dr. Ayesah Abubakar kerana banyak berkorban masa dan tenaga dalam membimbing, memberi tunjuk ajar dan memberi semangat kepada saya semenjak mendaftar sebagai pelajar Sarjana di Universiti Sains Malaysia sehingga saya dapat menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan penghargaan juga buat rakan-rakan seperjuangan di REPUSM iaitu saudara Dr. Aziz, Phaison, Pak Nik Anwar, Kumpee, Aizat, Mior, Pak Yatno, Azman dan Andi yang memberi semangat, dorongan dan berkongsi ilmu sepanjang belajar bersama. Begitu juga kepada Pn. Norazrina (Ina) dan Pak Nan yang memberi penuh sokongan dan kerjasama dalam mengendalikan penyelidikan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan di Patani yang berjuang bersama di USM iaitu saudara Abe Numan, Ustaz Ismail, Unian, Abe Halim, Abe Dawood, Husni, Ameen, Afifi, Kak Lah dan rakan lain-lain lagi yang memberi nasihat dan semangat sepanjang belajar bersama sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini.

Tesis ini adalah khas buat al-marhum ayahanda, Husin bin Ismail yang telah kembali ke rahmatullah pada September 2011 (al-Fatihah) dan bonda tercinta Hajah Siti Fatimah binti Haji Abdullah. Tidak lupa juga ucapan kasih dan sayang buat isteri dan anak-anak tercinta Pn. Jameelah binti Haji Ismail, Mohd Ramadhan, Mohd Furqon dan Widad yang selama ini menjadi sumber kekuatan dan inspirasi untuk menyiapkan tesis ini. Begitu juga abangku Zakee dan adik-adikku Bulyamin dan Aminah yang selama ini memberi dorongan dan semangat untuk melihat kejayaan saya.

Sumbangan kalian amat berharga dan bernilai buat saya. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Di sini saya berdoa kepadaNya semoga kalian semua mendapat rahmat dan berjaya di dunia dan akhirat. Amin.

Ghazalee bin Husin Al-Jihee

SUSUNAN KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI ABREVIASI	x
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Komposisi Penduduk	3
1.2 Sejarah Konflik di Selatan Thailand	4
1.2.1 Konflik antara Raja Patani dengan Kerajaan Siam	5
1.2.2 Konflik antara Elit dan Rakyat Patani dengan Kerajaan Thailand	6
1.2.2 (a) Konflik di Selatan Thailand pada tahun 1947 semasa pimpinan Haji Sulong Abdul Kadir	7
1.2.2 (b) Demonstrasi di Pattani 45 hari (1975-1976)	8
1.2.2 (c) Demonstrasi Hijab di Yala (1988)	10
1.2.2 (d) Demonstrasi di Keresik (1992)	11
1.2.2 (e) Demonstrasi Takbai (25 Oktober 2004)	11
1.3 Aktor-aktor Konflik di Selatan Thailand	12
1.3.1 Kerajaan Thai	13
1.3.2 Golongan Gerakan Pemisah di Selatan Thailand	13
1.4 Pendekatan Teori dan Definisi Konflik	15
1.4.1 Definisi Konflik	16
1.4.2 Penyelesaian dan Transformasi Konflik di Selatan Thailand	19
1.5 Kajian Literatur	26

1.6	Pernyataan Masalah	31
1.7	Persoalan Kajian	33
1.8	Objektif Kajian	33
1.9	Skop dan Batasan Kajian	34
1.10	Metodologi Penyelidikan	35
	1.10.1 Kaedah Pengumpulan Data	35
	1.10.2 Jenis, Bentuk dan Sumber Data	35
	1.10.3 Organisasi Tesis	36

BAB DUA: KONSEP KONFLIK, TRANSFORMASI KONFLIK DAN PEMBINAAN PERDAMAIAIN

2.1	Pengenalan	38
2.2	Konflik	39
	2.2.1 Definisi Konflik	39
	2.2.2 Hubungan Simetri dan Asimetri	42
	2.2.3 Segi Tiga Konflik	43
	2.2.4 Lima Pendekatan dan Kedudukan Pihak yang Berkonflik	46
	2.2.5 Keputusan “Zero-sum” dan “Non-zero-sum”	49
2.3	Pengurusan Konflik	51
	2.3.1 Pencegahan Konflik	52
	2.3.2 Pengawalan Konflik	55
	2.3.3 Penamatan Konflik	56
	2.3.3 (a) Pemberesan Konflik	57
	2.3.3 (b) Penyelesaian Konflik	58
2.4	Transformasi Konflik	59
	2.4.1 Definisi Transformasi Konflik	59
	2.4.2 Dimensi dalam Transformasi Konflik	60
	2.4.3 Lima Pendekatan Transformasi Konflik	64
	2.4.4 Proses Trasformasi Konflik Asimetri	68
2.5	Pembinaan Perdamaian	71

2.5.1 Strategi dalam Pembinaan Perdamaian	73
2.5.2 Aktor-aktor dan Pendekatan-pendekat untuk Membinaan Perdamaian	75
2.6 Kesimpulan	78
BAB TIGA: SEJARAH KONFLIK DI SELATAN THAILAND	
3.1 Pengenalan	80
3.2 Penaklukan dan Penjajahan Kerajaan Siam ke atas Negeri Patani 1786	81
3.2.1 Pemberontakan Tengku Lamiddin (1787-1791) dan Datuk Pengkalan (1791-1810)	81
3.2.2 Raja Chulalongkhorn (1868-1910) dan Sistem Pentadbiran Thesaphiban 1896	83
3.2.3 Tengku Abdul Kadir dan Gerakan Mempertahankan Institusi Kekuasaan Melayu	84
3.3 Peranan British di Selatan Thailand dan Kesan selepas Perang Dunia Kedua	87
3.3.1 Peristiwa Penangkapan dan Perlucutan Jawatan Tengku Abdul Kadir selaku Raja Patani	87
3.3.2 Perjanjian Bangkok 1909 (Anglo-Siam) dan Pemisahan Negeri Patani dari Tanah Melayu	89
3.3.3 Marshal Phibul Songkhram dan Dasar Rathaniyom (1939-1942)	93
3.3.4 Reaksi Pemimpin Melayu terhadap Dasar Rathaniyom	96
3.4 Era Kebangkitan Gerakan Pemisah	100
3.4.1 Gabungan Melayu Patani Raya (GAMPAR)	101
3.4.2 Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN)	103
3.4.3 Patani United Liberation Organization (PULO)	105
3.4.4 Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP)	106
3.4.5 Gerakan Mujahidin Islamiya Patani (GMIP)	108
3.4.6 Gerakan-gerakan lain	111
3.5 Senarai Sejarah Demonstrasi di Selatan Thailand	112
3.5.1 Demonstrasi 45 hari di Pattani (1975-1976)	113

3.5.2 Demonstrasi Hijab di Yala (1988)	118
3.5.3 Demonstrasi di Keresik (1987-1990)	123
3.5.4 Demonstrasi-demonstrasi lain	126
3.6 Kesimpulan	127

BAB EMPAT: DEMONSTRASI TAKBAI: INSIDEN, AKTOR DAN IMPAK

4.1 Pengenalan	130
4.2 Latar Belakang Daerah Takbai dan Penduduk	132
4.3 Tragedi Takbai	134
4.3.1 Latar belakang Demonstrasi Takbai	136
4.3.2 Kronologi Peristiwa Demonstrasi Takbai	137
4.3.3 Tindakan Pihak Berkuasa yang Menimbulkan Tragedi	141
4.3.4 Tuntutan Demonstrasi	143
4.3.5 Statistik Mangsa	145
4.4 Aktor Utama dan Sampingan	148
4.4.1 Kerajaan Thailand	148
4.4.2 Pihak Berkuasa Tentera dan Polis	149
4.4.3 Kumpulan Gerakan Pemisah	150
4.4.4 Orang Awam	153
4.4.4 (a) Penduduk Tempatan	154
4.4.4 (b) Penduduk Luar	156
4.5 Pendekatan Kerajaan Thailand Terhadap Mangsa- mangsa Tragedi	157
4.5.1 Permohonan Maaf dan Pemberian Pampasan	158
4.5.2 Bantuan Kebajikan dan Pembangunan Ekonomi	160
4.5.3 Bantuan Pendidikan	162
4.6 Reaksi Masyarakat Luar Terhadap Tragedi	162
4.6.1 Pertubuhan Organisasi Antarabangsa	163
4.6.2 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	164

4.7 Kesimpulan	165
----------------	-----

BAB LIMA: DEMONSTRASI TAKBAI: KAJIAN KES DAN ANALISIS

5.1 Pengenalan	167
5.2 Konfrontasi Orang Melayu Patani dan Tragedi Takbai	167
5.3 Lima Elemen Transformasi Konflik: Tragedi Takbai dan Konflik Patani	168
5.3.1 Transformasi Konteks	170
5.3.2 Transformasi Struktur	174
5.3.3 Transformasi Aktor	176
5.3.4 Transformasi Isu	180
5.3.5 Transformasi Personal dan Kumpulan	183
5.4 Kesan-kesan Selepas Berlaku Tragedi Takbai	185
5.4.1 Kerajaan Thailand	186
5.4.1 (a) Kerajaan Pusat	186
5.4.1 (b) Kerajaan Tempatan	196
5.4.2 Ahli Akademik	199
5.4.3 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	202
5.5 Kesimpulan	208

BAB ENAM: DEMONSTRASI TAKBAI: KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	210
6.2 Kedinamikan Isu Konflik dan Tragedi Takbai	211
6.3 Tragedi Takbai Sebagai Pencetus Transformasi	214
6.4 Demonstrasi Takbai dan Keterlibatan Aktor-aktor Utama	215
6.5 Demonstrasi Sebagai Penjana Transformasi di Selatan Thailand	216
6.6 Transformasi: Pendekatan dan Polisi Kerajaan di Selatan Thailand	217

6.7 Perlaksanaan dan Penerusan Penyelidikan bagi Masa Depan	218
SENARAI RUJUKAN	222
LAMPIRAN	230
Lampiran A	230
Lampiran B	232
Lampiran C	233
Lampiran D	234
Lampiran E	235
Lampiran F	237
Lampiran G	239

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 1.1 Segi Tiga Konflik	19
Rajah 1.2 Mentransformasikan konflik yang tidak simetri	21
Rajah 1.3 Tahap-tahap dan Proses Transformasi Konflik	23
Rajah 1.4 Aktor-aktor dan pendekatan untuk membangun perdamaian	25
Rajah 1.5 Pendekatan pengurusan konflik dan membangun perdamaian	25
Rajah 2.1 Lima Pendekatan dan Kedudukan Pihak yang Berkonflik	47
Rajah 2.2 Keputusan “Zero-sum” dan “Non-zero-sum”	50

SENARAI ABREVIASI

ABREP	: Angkatan Bersenjata Revolusi Patani
AMAN	: <i>Asian Muslim Action Network</i>
ARF	: <i>Asian Resource Foundation</i>
ASEAN	: <i>Association of Southeast Asian Nations</i>
Bath	: Nama Mata Wang Thailand
BBMP	: Barisan Bersatu Mujahidin Patani
BERSATU	: <i>United Front for the Independence of Pattani</i>
BIPP	: Barisan Islam Pembebasan Patani
BNPP	: Barisan Revolusi Nasional Pembebasan Patani
BRN	: Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani
CPM-43	: 43rd <i>Civil-Police-Military Joint Head</i>
CrCF	: <i>Cross Cultural Foundation</i>
EU	: <i>European Union</i>
GAMPAR	: Gabungan Melayu Patani Raya
GMIP	: Gerakan Mujahidin Islamiya Patani
HDC	: <i>Humanitarian Dialogue Center</i>
IDB	: <i>Islamic Development Bank</i>
ICG	: <i>International Crisis Group</i>
ICRC	: <i>International Committee of the Red Cross</i>
IKS	: Industri Kecil dan Sederhana
ISEAMs	: <i>Institute of Southeast Asia Maritime States Studies</i>
JICA	: <i>Japan International Cooperation Agency</i>

KPI	: <i>King Prajadiphok's Institute</i>
LDI	: <i>Local Development institute</i>
NATO	: <i>North Atlantic Treaty Organization</i>
NGO	: <i>Non-governmental Organizations</i>
NRC	: <i>National Reconciliation Commission</i>
NSC	: <i>National Security Council</i>
OIC	: <i>Organization of Islamic Cooperation</i>
PAS	: Parti Islam SeMalaysia
PBB	: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PKM	: Parti Komunis Malaya
PMAI	: Pakatan Mempertahankan Agama Islam
PRM	: Parti Rakyat Malaysia
PARANAS	: Parti Revolusi Rakyat Selatan Thai
PARTIP	: Parti Islam Patani
PSC	: <i>Protracted Social Conflict</i>
PATRIOT	: Pertubuhan Islam Republik Patani
PULO	: <i>Patani United Liberation Organization</i>
REPUSM	: <i>Research and Education for Peace</i> , Universiti Sains Malaysia
RKK	: Runda Kumpulan Kecil
SBPAC	: <i>Southern Border Provinces Administrative Centre</i>
SEACSN	: <i>Southeast Asian Conflict Studies Network</i>
STUfPeace	: <i>Southern Thailand Universities for Peace</i>
UBANGTAPEKMA	: Agama, Bangsa, Tanah Air dan Perikemanusiaan

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|---|
| Lampiran A | Gambar-gambar Tragedi Takbai |
| Lampiran B | Pelan Strategi Gerakan BRN |
| Lampiran C | Gambar Perarakan Demonstrasi 45 hari di Pattani (1975-1976) |
| Lampiran D | Gambar yang Berkaitan dengan Polisi Asimilasi (Ratthaniyom) |
| Lampiran E | Fatwa Jihad Oleh Majlis Ulama' Patani Menentang Kerajaan Siam |
| Lampiran F | Soalan Temubual Kajian Lapangan |
| Lampiran G | Senarai Nama-nama Responden |

KONFLIK DI SELATAN THAILAND: SATU KAJIAN DAN ANALISIS DEMONSTRASI TAKBAI

ABSTRAK

Kejadian Demonstrasi Takbai yang berakhir dengan tragedi pada 25 Oktober 2004 telah menarik perhatian ramai pihak dari dalam dan luar tentang konflik di Selatan Thailand. Dengan jumlah kematian 85 orang di pihak penunjuk perasaan akibat daripada tindakan pasukan keselamatan telah membawa perubahan terhadap polisi dan pendekatan kerajaan Thailand menangani isu konflik ini. Oleh itu, kajian ini ditumpukan kepada demonstrasi Takbai untuk melihat samada ia telah menjadi perangsang kepada perubahan konstruktif di Selatan Thailand. Secara umumnya kajian ini adalah untuk melihat samada demonstrasi boleh dijadikan satu mekanisme dalam mengubah situasi konflik ke arah yang membina dan mencapai penyelesaian. Antara isu-isu yang mendorong kepada demonstrasi Takbai adalah berkaitan dengan ketidakadilan terhadap identiti, politik, pendidikan dan keselamatan Orang Melayu Patani. Demonstrasi Takbai boleh dilihat sebagai klimaks konflik di Selatan Thailand sebelum aktor-aktor konflik mulai kendur dalam menggunakan kekerasan di Selatan Thailand. Oleh yang demikian, persoalan kajian yang diungkapkan dalam kajian ini termasuk apakah isu-isu utama dan sampingan yang membawa kepada konflik di Selatan Thailand, serta siapakah yang menjadi aktor-aktor utama dan sampingan yang memainkan peranan penting dalam konflik ini. Selain itu, adakah demonstrasi-demonstrasi yang telah berlaku mempunyai impak kepada konflik di Selatan Thailand. Skop kajian ini adalah dari tahun 2004 iaitu selepas insiden Takbai berlaku hingga tahun 2010. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan yang menjadikan data primer dan sekunder sebagai bahan analisis. Metodologi yang digunakan adalah melalui proses temu bual untuk mendapatkan data primer dengan menggunakan pensampelan yang dikategorikan kepada mangsa, NGO, ketua-ketua pertubuhan, pegawai kerajaan dan penduduk tempatan terutamanya dari tiga wilayah konflik Selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat sebagai responden. Kaedah *snowball* digunakan untuk mendapatkan responden khususnya pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam tragedi Takbai. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa demonstrasi-demonstrasi yang telah berlaku khususnya demonstrasi di Takbai telah berjaya mengubah polisi kerajaan Thailand menjadi lebih lembut akibat daripada perhatian pihak luar terhadap isu-isu hak asasi manusia dan meningkatnya aktiviti-aktiviti pembinaan perdamaian selepas kejadian ini berlaku. Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa implikasi dari demonstrasi Takbai adalah kurangnya keganasan dan perubahan dalam situasi konflik di Selatan Thailand ke arah penyelesaian. Perubahan-perubahan yang berlaku ini sedikit sebanyak telah mengubah struktur konflik yang lebih membina dan membuka ruang kepada proses dialog dan perundingan.

Kata Kunci: Demonstrasi Takbai, Thailand Selatan, Transformasi Konflik, Pembinaan Perdamaian.

CONFLICT IN SOUTHERN THAILAND: A CASE STUDY AND ANALYSIS OF THE TAKBAI DEMONSTRATION

ABSTRACT

The Takbai demonstration which ended in tragedy on October 25, 2004 has attracted a lot of attention from inside and outside the conflict areas in Southern Thailand. With 85 protesters killed as a result of actions by security forces, the policies and approach of the Thai authorities in dealing with the issues have also been transformed. In general, this study looks at the act of demonstration and investigates whether it can be used as a mechanism to transform the situation. Specifically, the study looks at the Takbai demonstration to see if it has had any constructive impact on the situation in Southern Thailand. Among the issues that have led to the Takbai demonstration include those connected to justice, identity, politics, education and the security of the Malays of Patani. This demonstration can be seen as the climax of the conflict, after which the parties, especially the Thai government, began to soften their approaches in dealing with the conflict. The questions asked in this study include what are the core and minor issues that have resulted in the conflict in Southern Thailand, as well as who are the core and minor actors involved in the conflict. The scope of this thesis is between 2004, after the Takbai incident until 2010. This is a qualitative research that looks at both primary and secondary data. The methodology used to get primary data in this thesis is by interviews to get first hand information from respondents that include the victims of the Takbai incident, NGO, civil society leaders, government officials and local people living in the three conflict affected provinces of Pattani, Yala, and Narathiwat in Southern Thailand. The impact of the demonstrations in Southern Thailand and specifically the Takbai demonstration is the transformation of government policies to a softer approach as a result monitoring by third parties, the transformation of the issues to include human rights issues, and the increase in peacebuilding activities after the incident. In conclusion, the Takbai incident has resulted in the reduction of violence and the transformation of the conflict situation in Southern Thailand. These changes bode well for the conflict situation and has somewhat changed the structure of the conflict to one that is more open and conducive for a future dialogue process.

Keywords: Takbai Demonstration, Southern Thailand, Conflict Transformation, Peacebuilding.

BAB 1 **PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan

Konflik di Selatan Thailand antara Orang Melayu Patani dengan kerajaan Siam¹ telah berlaku sejak zaman pemerintahan Raja Melayu Patani dahulu lagi (1500-1686). Kerajaan Siam telah melakukan banyak serangan terhadap negeri Patani sehingga akhirnya kerajaan Patani tidak boleh lagi menahan diri dari serangan tentera Siam, dan Negeri Patani jatuh di bawah jajahan kerajaan Siam pada tahun 1786. Konflik ini kemudiannya berterusan hingga sekarang. Konflik ini melibatkan banyak aktor dari pihak Orang Melayu Patani termasuk aktor dari kumpulan elit agama yang bergabung dengan bekas Raja Patani dan keturunannya. Terdapat juga, pertubuhan-pertubuhan politik yang matlamatnya untuk membebaskan bumi Patani dari jajahan Siam seperti Gabungan Melayu Patani Raya (GAMPAR), Barisan Revolusi Nasional (BRN), Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP), *Patani United Liberation Organization* (PULO) dan lain-lain lagi. Organisasi-organisasi yang tersebut mewakili rakyat Patani dalam reaksi mereka menentang kerajaan Thai dan berjuang untuk kemerdekaan negeri Patani. Perjuangan secara organisasi politik seperti ini bermula pada akhir tahun 1940-an hingga sekarang.

Banyak insiden-insiden yang telah berlaku dalam konflik ini dalam satu abad yang lalu. Selalunya insiden-insiden ini juga melibatkan orang awam yang tidak bersalah, mahupun mengerti dengan perjuangan yang dijalankan. Contohnya seperti peristiwa di Dusun Nyor dalam wilayah Narathiwat pada tahun 1948. Peristiwa ini berlaku kerana penduduk tempatan telah berkumpul untuk menentang pihak

¹ Nama negara Thailand dahulu diubah semasa Perdana Menteri Phibun Songkram pada tahun 1939, dalam bentuk dasarnya Ratthaniyom. Secara lanjut sila lihat Suwannathat-pian, K. (1995) *Thailand's Durable Premier Phinun Through Three Decades 1932-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press. hlm. 131.

Komunis tetapi sebaliknya pihak kerajaan Thailand telah mengesyaki bahawa mereka dari kumpulan pemberontak. Pertembungan yang berlaku antara penduduk tempatan dengan tentera dan polis Thailand telah mengakibatkan 400 orang Melayu dan 30 polis dan tentera terkorban². Tragedi yang sama juga berlaku di Keresik pada 28 April 2004 dengan terkorbannya 32 orang Melayu di Masjid Keresik setelah berlakunya pertempuran antara mereka dengan pihak tentera dan polis. Gambaran pertempuran antara Orang Melayu Patani dengan pihak berkuasa Thailand adalah satu gambaran yang lazim di kawasan ini, dan hasilnya adalah kematian di pihak Orang Melayu Patani kerana penggunaan kekerasan yang melampau di pihak pemerintah³.

Penggunaan strategi demonstrasi sebagai satu cara untuk mengalirkan ketidakpuasan hati mereka adalah satu kaedah yang sering digunakan. Contohnya demonstrasi di Pattani selama 45 hari (1975-1976), demonstrasi hijab di Yala (1988), demonstrasi di Keresik (1992) dan yang terkini demonstrasi di Takbai (25 Oktober 2004). Demonstrasi di Selatan Thailand selalunya bangkit setelah rakyat merasa tertekan. Ianya juga bertujuan untuk mereka mengadakan tuntutan hak-hak mereka, seperti tuntutan supaya pihak kerajaan mengambil tindakan balas kepada pegawai kerajaan yang membuat zalim terhadap rakyat Melayu Patani, tuntutan supaya orang Islam di Negara Thailand dapat memakai hijab secara rasmi, tuntutan supaya Masjid Keresik tetap menjadi milik penduduk tempatan, dan tuntutan supaya dibebaskan mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pemisah. Demonstrasi-demonstrasi ini selalunya bersifat khusus dan sebagai alat untuk menuntut hak-hak mereka yang

² Che Man, W.K. (1990) *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*, New York: Oxford University Press. hlm. 67. Lihat juga McCargo, D. (2007) (Edited) *Rethinking Thailand's Southern Violence*, hlm. 18-19. Arifin, B.C., Laomae, A., Suhaimi, I. (2007) *Patani Prawattisat Lae Karnmuang Nai Lok Melayu* (Patani Sejarah dan Politik Dalam Dunia Melayu), Songkhla: Mulnithi Watthanatham Islam Pak Tai. hlm. 373-378.

³ Arifin, B.C., Laomae, A., Suhaimi, I., *Op.cit*, hlm. 415-421.

ditindas oleh pegawai kerajaan Thailand. Tesis ini memberi fokus kepada demonstrasi yang berlaku di Takbai pada 25 Oktober 2004. Demonstrasi ini bermula dengan penangkapan beberapa orang di kawasan daerah Takbai yang disyaki sebagai penyokong kumpulan pemisah, diikuti dengan perarakan demonstrasi di balai polis daerah Takbai, dan berakhir dengan 85 orang terkorban. Hubung kait insiden ini dengan konflik Selatan Thailand dan perjuangan kemerdekaan yang lebih luas akan dikaji. Persoalan tentang adakah hubungan yang relevan antara keduanya dan apakah impak dari strategi demonstrasi secara umumnya dan demonstrasi di Takbai ini secara khususnya akan ditanya. Bahagian berikutnya akan melihat sejarah umum konflik di Selatan Thailand, insiden-insiden demonstrasi yang telah berlaku, serta siapa aktor-aktor yang terlibat. Sebelum itu diberikan sedikit maklumat tentang komposisi penduduk Selatan Thailand.

1.1.1 Komposisi Penduduk

Secara keseluruhannya, Negara Thailand mempunyai 76 wilayah atau *Changwat* dan dibahagi kepada 6 bahagian iaitu kawasan tengah (22 wilayah dan termasuk Bangkok), barat (5 wilayah), timur (7 wilayah), utara (9 wilayah), selatan (14 wilayah) dan timur laut (19 wilayah). 3 wilayah Selatan Thailand termasuk di dalam kawasan selatan.

Selatan Thailand terletaknya di semenanjung Tanah Melayu. Kawasan yang berbentuk semenanjung itu terletak di antara garisan lintang $11^{\circ}42'$ - $5^{\circ} 37'$ dan garisan bujur 98° - 102° bentuk buminya adalah bujur yang panjang daripada utara ke selatan 600 kilometer lebarnya pula di kawasan yang paling luas ialah 250 kilometer dan yang paling sempit 64 kilometer di Segenting Kera⁴. Keluasan bumi di Selatan

⁴ Taksin Institute (1986) *Saranukrom Watthanatham Pak Tai* (Encyclopedia budaya Selatan Thailand), Bangkok: Amarin Karn Pim. hlm. 77-78.

Thailand ialah 70,715.15 kilometer persegi bersamaan 13.78 % daripada bumi ke seluruh bumi di Thailand. dan keluasan 3 wilayah Selatan Thailand iaitu Pattani 1,940.4 kilometer persegi, Yala 4,521.1 kilometer persegi, Narathiwat 4,475.4 kilometer persegi. (*sumber : Jabatan Perdana Menteri*)

Jabatan Kementerian Dalam Negeri telah menyenaraikan populasi di 3 wilayah Selatan Thailand termasuk wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat pada 31 Ogos 2004 seramai 1,424,728 orang. Bilangan berbanding agama didapati yang memeluk agama Islam 85.16 % (1,213,387 orang) beragama Buddha 14.53 % (207,033 orang) dan lain-lain 0.31 % (4,300 orang). Pendidikan penduduk di 3 wilayah sempadan Thailand adalah pengajian bawah daripada sekolah rendah 44.85% (849,796 orang), pengajian yang dapat peringkat ijazah 3.58 % (39,097 orang). Manakala pekerjaan 66.88% sedang belajar 23.66 % tidak kerja 6.48% pertanian 33.77%. (Senarai Populasi di 3 wilayah Selatan Thailand dari Jabatan Kementerian Dalam Negara)

1.2 Sejarah Konflik di Selatan Thailand

Konflik di Selatan Thailand telah berlaku dalam jangka masa yang panjang dan melibatkan pelbagai aktor. Aktor yang jelas ialah pihak Orang Melayu Patani dan kerajaan Thailand. Sejarah konflik di Selatan Thailand pula boleh dibahagikan kepada dua zaman iaitu zaman perjuangan para Raja Patani untuk kemerdekaan Negeri Patani, dan zaman perjuangan kumpulan elit⁵ dan rakyat Patani untuk menjaga hak-hak kepentingan Orang Melayu Patani. Bahagian berikutnya akan membincangkan sejarah konflik di Selatan Thailand secara umum sahaja. Perbincangan yang mendalam dilakukan di bab 3.

⁵ Golongan elit yang dimaksudkan di sini termasuk tuan guru (Tok Guru Pondok), ketua majlis agama Islam, ustaz, imam, keturunan bekas raja Melayu Patani, pemimpin tempatan, ahli politik dan sebagainya.

1.2.1 Konflik antara Raja Patani dengan Kerajaan Siam

Mengikut sejarah, konflik di Selatan Thailand wujud selepas Negeri Patani ditakluki oleh penjajah Siam pada tahun 1786. Pada zaman Raja Cakri atau Rama I, kerajaan Siam telah beberapa kali melancarkan serangan ke atas Negeri Patani, dan akhirnya Raja Patani dan rakyatnya tidak berkuasa menahan diri dari serangan kerajaan Siam. Akibatnya rakyat Patani seramai 4,000 orang telah dipindahkan ke Bangkok sebagai hamba tebusan⁶. Fenomena ini bersamaan dengan zaman Raja Sultan Muhammad (1776-1786) iaitu Raja Patani terakhir yang berkuasa penuh sebelum Patani jatuh di bawah jajahan Siam. Seterusnya pada zaman Raja Tengku Lamiddin (1787-1791) raja dan rakyat Patani telah mencuba untuk merampas kuasa kembali daripada Siam. Raja Tengku Lamiddin telah mengumpul pengikutnya dan menghadapi tentera Siam. Malangnya pemberontakan mereka telah dipatahkan oleh tentera-tentera Siam dan Raja Patani itu dihukum bunuh atas tuduhan menderhaka kepada Raja Siam⁷.

Pada tahun 1816, kerajaan Siam telah mengubah pentadbiran kerajaan Melayu Patani dan dipecahkan negeri Patani kepada 7 *Hua Muang* (negeri) untuk melemahkan mereka. Setiap negeri dilantikkan *Choa Muang* (raja) seperti berikut :

1. Patani	dilantik raja	Tuan Sulung
2. Teluban (Saiburi)	dilantik raja	Nik Dir
3. Nongchik	dilantik raja	Tuan Nik
4. Jalor (Yala)	dilantik raja	Tuan Yalor
5. Jambu (Yaring)	dilantik raja	Nai Pai
6. Legeh (Rangae)	dilantik raja	Nik Dah

⁶ Abd. Malek, M.Z. (1993) *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, Shah Alam: HIZBI. hlm. 92-98.

⁷ *Ibid.*, hlm. 96-100.

Walau bagaimanapun, tertubuh satu persatuan daripada golongan mereka yang tidak puas hati terhadap kerajaan Siam pada tahun 1831 yang diketuai oleh Tengku Ding keturunan dari Raja Kedah. Sejak itu sehingga tahun 1902, negeri Patani diperintah oleh Tuan Besar dan keturunannya⁹.

Pada tahun 1923, Orang Melayu Patani mengadakan gerakan enggan membayar cukai kepada kerajaan Siam. Pergerakan kali ini diketuai oleh Tengku Abdul Kadir Kamarudin iaitu Raja Patani yang terakhir¹⁰. Akhirnya mengakibatkan Tengku Abdul Kadir Kamarudin ditangkap oleh pihak kerajaan Siam dan dipindah ke wilayah Phisanuklok di kawasan utara.

1.2.2 Konflik antara Elit dan Rakyat Patani dengan Kerajaan Thailand

Para pejuang di bumi Patani bukan hanya terdiri dari kalangan raja sahaja bahkan ada juga dari kumpulan elit agama dan rakyat Patani yang sanggup berjuang untuk kepentingan umat Melayu Islam Patani. Contohnya perjuangan Haji Sulong Abdul Kadir, yang akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya. Perbincangan seterusnya akan di adakan berkenaan kes-kes demonstrasi yang telah berlaku pada waktu lalu untuk menunjukkan penglibatan golongan elit dan rakyat Patani menentang pemerintahan Thailand. Perbincangan mendalam perkara ini dilakukan dalam bab 3 nanti.

⁸ Nik Mahmud, N.A. (1999) *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 20-21.

⁹ *Ibid.*, hlm. 24.

¹⁰ Syukri, I. (2002) *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 101-103.

1.2.2 (a) Konflik di Selatan Thailand pada tahun 1947 semasa Pimpinan

Haji Sulong Abdul Kadir

Pemerintahan Panglima Phibun Songkram (Perdana Menteri pada tahun 1938 – 1944 dan 1948-1957), dengan dasar Ratthaniyom (Budaya Thai) adalah zaman yang gelap bagi orang Patani. Matlamat dasar ini adalah untuk mengasimilasikan kaum minoriti Melayu ke dalam masyarakat Thai. Dasar ini juga telah mengubah nama negara Siam kepada Thailand. Dasar Ratthaniyom ini ditentang oleh elit agama di bawah pimpinan Haji Sulong Abdul Kadir¹¹. Beliau bersama dengan rakan-rakan seperjuangannya telah menyampaikan tuntutan 7 perkara kepada kerajaan Thailand meliputi masalah agama, bahasa, bangsa dan politik.

Tuntutan 7 perkara yang di sampaikan oleh Haji Sulong bin Abdul Kadir adalah seperti berikut :

1. Pelantikan seorang individu sebagai wakil kerajaan Thailand yang berkuasa penuh untuk mentadbir keempat-empat buah wilayah tersebut, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul dan mempunyai kuasa memecat, menggantung atau mengganti pegawai-pegawai kerajaan. Individu ini hendaklah dilahirkan di salah satu daripada keempat-empat buah wilayah tersebut dan pelantikannya hendaklah dengan persetujuan para penduduk di wilayah-wilayah tersebut.
2. 80 % daripada pegawai kerajaan yang akan berkhidmat di wilayah-wilayah tersebut mestilah beragama Islam
3. Bahasa Melayu dan bahasa Siam hendaklah dijadikan sebagai bahasa rasmi.

¹¹ Pitsuwan, P. (2000) *Phunam Khwam Khadyaeng Lae Khwam Runraeng: Sephawakarn Nai Changwat Chai Daeng Pak Tai* (Pembawa Konflik dan Keganasan: Situasi di Wilayah Selatan Thailand) Jurnal Rusimilae. Prince of Songkhla University, Pattani Campus. Tahun ke 21. bil 2, Mei-Ogos : 37-46, hlm 40. Lihat juga Nik Mahmud, N.A. (1999) *Op.cit*, hlm. 57.

4. Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah.
5. Pendapatan penduduk dari empat wilayah dibelanjakan untuk penduduk tempatan sahaja.
6. Mengasingkan Mahkamah Syariah daripada pejabat undang-undang khas baginya untuk memutuskan pendakwaan yang bersabit dengan hukum agama Islam.
7. Mengakui rakyat di empat wilayah keturunan bangsa Melayu¹².

Tujuh tuntutan tersebut mengakibatkan Haji Sulong ditangkap oleh pihak polis pada tahun 1948, kemudian dibebaskan dan ditangkap pula kali kedua. Pada kali inilah Haji Sulong telah meninggal dunia secara misteri dan sehingga hari ini pihak kerajaan Thailand tidak memberi penjelasan terhadap kes kematian Haji Sulong¹³.

1.2.2 (b) Demonstrasi di Pattani 45 hari (1975-1976)

Demonstrasi di Pattani berlaku disebabkan kumpulan tentera yang dikenali dengan nama *Nawik Yothin* (tentera laut) menahan 6 orang Melayu ketika dalam perjalanan pulang ke rumah. Peristiwa ini berlaku di hadapan kem tentera di kampung Cheing Khao, daerah Bacok, wilayah Narathiwat. Kejadian ini berlaku pada pukul 11 malam apabila keenam-enam tahanan ini telah ditembak dan dibuang ke dalam Sungai Kota. Walau bagaimanapun, salah seorang daripada mereka yang ditembak telah terselamat dan menceritakan kejadian tersebut kepada penduduk

¹² Sulong, H.M. (1958) *Gugusan Cahaya Keselamatan*, Pattani: Saudara Press. hlm. 4-5. Lihat juga Nik Mahmud, N.A. (1999) *Op.cit*, hlm. 62.

¹³ Khunthongphet, C. (1986) *Karntotan Nayobai Rathban Naisi Changwat Chaidaeng Paktae Khong Prates Thai Doikarnnam Khong Haji Sulong Abdul Kadir 1939-1954* (Gerakan Anti Polisi Kerajaan Thai di Empat Wilayah Selatan Thailand Pimpinan Haji Sulong Abdul Kadir, 1939-1954) M.A.Tesis, Silpakorn University. hlm. 181-189.

tempatan. Ekoran daripada itu, pada 11 Disember 1975, satu perarakan besar-besaran telah dianjurkan oleh Orang Melayu Patani yang bermula di Saiburi dan kemudiannya berpindah ke Bandar Pattani. Perarakan ini berakhir pada 25 Januari 1976, dan demonstrasi ini dipercayai yang terbesar dalam sejarah. Jumlah penunjuk perasaan dianggarkan seramai 70,000 orang. Dalam perhimpunan tersebut, dianggarkan 12 orang mati dan 40 orang cedera apabila orang yang tidak dikenali telah melempar bom ke arah penunjuk perasaan. Ekoran daripada peristiwa kematian ini, mahasiswa Muslim telah menubuhkan *Kumpulan Mahasiswa Selatan* khususnya yang belajar di Universiti-universiti di Bangkok. Pertubuhan ini berjaya menarik Perdana Menteri Khekrit Pramot berunding menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa demonstrasi tersebut. Di samping itu, pertubuhan ini telah mengemukakan 5 perkara tuntutan antaranya :

1. Tuntutan supaya pihak kerajaan Thailand membayar ganti rugi kepada saudara-mara si mati dan cedera dalam kes kematian di jambatan Sungai Kota.
2. Tuntutan supaya pihak kerajaan Thailand membayar ganti rugi kepada saudara-mara si mati dan cedera dalam kes kematian pada malam 13 Disember di Pattani.
3. Tuntutan supaya pihak kerajaan Thailand menangkap pelaku jahat dan menyelesaikan kes ini dengan secara adil.
4. Tuntutan supaya pihak kerajaan Thailand menghalaukan tentera yang bertindak jahat itu keluar dari tiga wilayah Selatan Thailand.

5. Tuntutan supaya pihak kerajaan Thailand mengulas dasar-dasar yang dilakukan terhadap penduduk-penduduk orang Melayu di tiga wilayah Selatan Thailand¹⁴.

Hasil dari rundingan ini, pihak kerajaan Thailand bersetuju dan berjanji untuk menunaikan tuntutan yang dibuat. Dalam rundingan itu juga, terbentuk perjanjian antara kerajaan Thailand dengan Orang Melayu Patani untuk lebih sensitif dengan isu-isu keselamatan rakyat khususnya orang Melayu yang tinggal di Selatan Thailand.

1.2.2 (c) Demonstrasi Hijab di Yala (1988)

Demonstrasi ini berlaku di wilayah Yala apabila persatuan mahasiswa Muslim di Institut Rajabhat Yala (sekarang Universiti Rajabhat Yala) yang diketuai oleh Ibrahim Narongraksakhet¹⁵, Shukri Langputeh, Koheed Tudam, Adam Keichat dan lain-lain lagi. Dalam demonstrasi ini, mereka menuntut supaya pelajar-pelajar wanita dan pegawai kerajaan yang beragama Islam memakai hijab atau tudung. Bagi agama Islam, hijab adalah salah satu kaedah untuk menutup aurat bagi wanita. Pengajaran demonstrasi ini mendapat sambutan dan sokongan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang Muslim, organisasi-organisasi dan rakyat tempatan. Hasil daripada demonstrasi ini, kerajaan Thailand bersetuju untuk membenarkan kaum wanita Muslim memakai tudung di pejabat-pejabat dan di institusi-institusi kerajaan¹⁶.

¹⁴ Suthasad, A. (1976) *Panha Khwam Khadyeang Nai Si Changwat Pak Tai* (Masalah Konflik di Empat Wilayah Selatan Thailand), Bangkok: Krung Siam Karn Pim. hlm. 55-88.

¹⁵ Presiden persatuan mahasiswa Muslim di Institut Rajabhat Yala.

¹⁶ Green Group (1996) *18 Pi Hijab Wikrok Panha lae Thang Oak* (18 tahun Hijab Analisis Masalah dan Jalan Keluar), Nonthaburi: Opset Press. hlm. 10-19.

1.2.2 (d) Demonstrasi di Keresik (1992)

Demonstrasi ini berpunca apabila Jabatan Kesenian Negara atau *Kromsilpakorn* mengeluarkan surat rasmi untuk mengisyiharkan bahawa Masjid Keresik sebagai peninggalan sejarah dan dijadikan muzium untuk lawatan. Walau bagaimanapun, pengisytiharan ini ditentang oleh penduduk tempatan kerana masjid tersebut tidak lagi boleh digunakan sebagai tempat beribadat jika dijadikan muzium. Lantaran itu, orang Melayu menganjurkan perarakan beramai-ramai untuk memprotes usaha kerajaan itu. Tunjuk perasaan ini bertujuan untuk merayu kepada kerajaan bagi mengembalikan semula peranan masjid tersebut sebagai tempat ibadat kepada penduduk tempatan. Akhirnya demonstrasi ini berjaya menyekat usaha kerajaan Thailand untuk menjadikan masjid ini sebagai tempat lawatan dan mengembalikannya kepada peranan asal. Demonstrasi ini berlaku secara aman dan tidak berlaku keganasan sepertimana yang berlaku dalam demonstrasi lain-lain¹⁷.

1.2.2 (e) Demonstrasi Takbai (25 Oktober 2004)

Demonstrasi ini berlaku pada 25 Oktober 2004 di hadapan balai polis daerah Takbai, wilayah Narathiwat. Dianggarkan 3,000 orang yang terlibat dalam demonstrasi ini bertujuan untuk menuntut pihak kerajaan membebaskan 6 orang suspek yang ditahan kerana dituduh bersahabat dengan gerakan pemisah. Dalam kejadian ini, tidak semua penunjuk perasaan yang tahu tujuan perhimpunan tersebut, dan ada setengahnya dibohongi bahawa mereka dijemput untuk solat hajat. Selain itu terdapat juga individu-individu yang pulang dari kerja yang tiada kaitan dengan demonstrasi tersebut turut ditarik oleh pihak kerajaan Thai dalam perhimpunan itu.

¹⁷ *Ibid.*

Demonstrasi ini bermula pada awal pagi dan berakhir pada pukul 3 petang apabila Jeneral Piasal Wathanawongkhiri selaku Ketua Tentera Darat Bahagian Ke-4 atau *Maetap Phak Ti Si* mengarahkan perhimpunan itu disuraikan dengan memancarkan air dari kereta bomba dan tembakan dengan sejata api. Dalam masa yang sama juga, pihak keselamatan telah menahan seramai 1,300 orang dan dibawa ke kem tentera di wilayah Pattani. Mereka yang ditahan diikat tangan dari belakang dan disusun secara berlapis-lapis dalam lori. Mereka kemudian dibawa dalam keadaan demikian ke Pattani dalam perjalanan yang memakan masa 2-3 jam. Ekoran daripada itu, seramai 79 telah mati akibat sesak nafas. Mereka yang selamat dikurung dalam penjara sehingga 31 Oktober 2004. Seramai 1,172 orang telah dibebaskan manakala 58 orang masih lagi ditahan¹⁸.

Tragedi ini telah menimbulkan perasaan marah dan dendam Orang Melayu terhadap kerajaan Thailand. Keadaan ini juga telah mendorong kepada peningkatan intensiti konflik yang lebih tinggi.

1.3 Aktor-aktor Konflik di Selatan Thailand

Aktor-aktor utama konflik ini terdiri daripada pihak kerajaan, termasuk pegawai kerajaan, polis dan tentera; pihak kumpulan pemisah; serta orang awam yang terdiri daripada kedua-dua kelompok Melayu Islam dan Thai Buddha. Bahagian ini akan melihat secara umum aktor-aktor yang terlibat dalam konflik ini. Perbincangan mendalam berkenaan aktor-aktor gerakan pemisah dilakukan di bab 3.

¹⁸ Berita “Kongtap Phaktisi”. 6 November dan 12 November 2004.

1.3.1 Kerajaan Thailand

Antara aktor utama konflik ini ialah kerajaan Thailand yang berpusat di Bangkok. Walau bagaimanapun, tidak semua aktor-aktor yang terdapat dalam Kerajaan Thailand terlibat dengan konflik di Selatan Thailand. Di samping kepimpinan pusat di Bangkok ianya juga melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Selatan Thailand. Jumlah pegawai kerajaan yang datang ke Selatan Thailand dianggarkan seramai 80 % dengan kebanyakan daripada mereka berbangsa Thai dan beragama Buddha serta tidak tahu berbahasa Melayu. Justeru itu, kadang-kadang isu yang kecil boleh membawa kepada konflik yang lebih besar akibat salah faham komunikasi antara pegawai kerajaan dengan penduduk tempatan. Seterusnya aktor yang langsung terlibat dengan konflik ialah pemerintah yang berpusat di Bangkok. Contohnya, Dasar Budaya Thai atau *Ratthaniyom* yang digubal oleh Phibul Songkram, serta dasar *Nikom Sang Ton Eang Pak Tai*¹⁹ yang digubal semasa pemerintahan Thanom Kittikhachorn²⁰. Manakala dasar-dasar lain pula wujud berdasarkan pendekatan yang dibawa oleh pemimpin sama ada ia berbentuk kekerasan atau sebaliknya.

1.3.2 Golongan Gerakan Pemisah di Selatan Thailand

Selatan Thailand adalah kawasan yang berdaulat pada satu ketika dahulu. Namun beberapa perkara telah menyebabkan kebangkitan pergerakan pemisah, termasuk perampasan bumi Patani oleh pihak Siam, syariat Islam tidak boleh dijalankan, rakyat Patani ditindas dan kerajaan tidak adil terhadap rakyatnya di Patani. Justeru itu, semua ini telah menjadi alasan untuk menubuhkan organisasi

¹⁹ Polisi “Nikom Sang Ton Eang Pak Tai” (Felda) dilaksanakan dalam 5 wilayah, antaranya wilayah Pattani di daerah Khokpo, wilayah Narathiwat di daerah Sukkirin dan Srisakorn, wilayah Yala di Bangnang Setar dan Thanto, wilayah Songkla di daerah Tiba dan wilayah Satun di daerah Khewan Kalong.

²⁰ Pitsuwan, S. (2000) *Op.cit*, hlm. 40.

politik. Sebelum ini perjuangan hanya daripada kumpulan raja sahaja, tetapi kemudian digabungkan antara raja dengan elit agama. Antara golongan-golongan gerakan pemisah di Selatan Thailand adalah seperti berikut:

1. Gabungan Melayu Patani Raya – GAMPAR, ditubuhkan pada awal bulan Februari 1948. Presiden yang pertama ialah Tengku Ismail bin Tengku Nik. Pada peringkat permulaannya GAMPAR telah bekerjasama dengan Parti Kebangsaan Malaya Cawangan Kelantan²¹.
2. Barisan Revolusi Nasional – BRN, ditubuhkan pada 13 Mac 1960, di bawah pimpinan Tuan guru Haji Karim Hassan di daerah Resok, wilayah Narathiwat.
3. Barisan Nasional Pembebasan Patani – BNPP, ditubuhkan sekitar tahun 1974 oleh bekas timbalan GAMPAR iaitu Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abdul Muttalib. Pada tahun 1980 gerakan ini ditukar dengan nama Barisan Islam Pembebasan Patani – BIPP²².
4. *Patani United Liberation Organization* – PULO, ditubuhkan pada 22 Mac 1968 di bawah pimpinan Tengku Abdul Kabir bin Abdul Rahman atau Tengku Bira. Gerakan ini mula ditubuhkan oleh rakan-rakan yang sedang belajar di India²³.
5. Terdapat juga pergerakan-pergerakan lain seperti Barisan Bersatu Kemerdekaan Patani – Bersatu dan Gerakan Mujahidin Islam Patani – GMIP.

²¹ Nik Mahmud, N.A. (1999) *Op.cit*, hlm. 71.

²² Rattanachaya, K. (2004). *Ped Pom Hedkarn Pak Tai Pluk Radom Rath Pattani* (Buka Rahsia Situasi Selatan Membangkitkan Negari Pattani), Nonthaburi: S.Picit Kan Pim. hlm. 30-31.

²³ Ahli Jawatan Kuasa Bebas untuk Perdamaian Negara (2006) *Mengatasi Kekejaman dengan Kekuatan kedamaian*, Pattani: Jabatan Setia Usaha Ahli Jawatan Kuasa Menteri. hlm. 13.

1.4 Pendekatan Teori dan Definisi Konflik

Bahagian ini akan membincangkan premis teori yang akan digunakan untuk membina kerangka teoritikal tesis ini. Perbincangan di bahagian ini dilakukan secara umum, sekadar untuk memahami kenapa soalan-soalan kajian dan pernyataan masalah ditanya sedemikian rupa. Perbincangan mengenai teori secara lebih mendalam dilakukan dalam bab 2. Berdasarkan sejarah, konflik yang wujud di Selatan Thailand telah lama berlaku. Namun, keadaan konflik ini mengalami proses turun naik indeks keganasan sehingga ia muncul kembali pada 4 Januari 2004 dengan insiden serangan sebuah kem tentera di wilayah Narathiwat oleh kumpulan yang tidak dikenali. Bermula dari insiden ini, intensiti konflik semakin hari semakin meningkat apabila tiga wilayah Melayu ini digegarkan dengan pelbagai insiden dan peristiwa seperti pengeboman, tembak curi, serangan tempat-tempat ibadat, pondok-pondok polis, sekolah, guru, sami-sami, tok-tok iman dan sebagainya lagi²⁴. Keberlangsungan konflik yang memakan masa melebihi dua dekad ini menunjukkan bahawa konflik ini sukar diselesaikan dan ia dianggap sebagai konflik sosial yang berterusan atau *Protracted Sosial Conflict* (PSC).

Menurut Edward Azar sebagai seorang yang mempelopori teori ini berpendapat selalunya isu-isu yang akan membawa kepada PSC meliputi identiti, bangsa, agama, etnik dan budaya. Isu-isu yang dinyatakan ini merupakan langkah pertama dalam menentukan isu-isu konflik yang lebih realistik seperti keperluan untuk keselamatan, pembangunan, mencapai keperluan politik dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan pembangunan sesebuah komuniti yang minoriti²⁵. Jika dilihat dalam kes Selatan Thailand, keadaan ini memang jelas wujud apabila keseluruhan

²⁴ Che Man, W.K. (Terjemahan oleh) Prinya Nualpian, Nipon Soheng (2008) *Nok Niyam Khwam Pen Thai (Luar Definisi yang Menjadi Thai)*, Bangkok: LT Press. hlm. 164.

²⁵ Miall, H., Ramsbotham, O., Woodhouse, T. (1999) *Contemporary Conflict Resolution: The Prevention, Management and Transformation of Deadly Conflict*, Cambridge: Polity Press. hlm. 72-73.

konflik ini adalah melibatkan isu-isu seperti identiti dan politik. Keadaan bermula apabila negeri Patani telah dijajah oleh kerajaan Siam pada 1786 yang menyebabkan orang Melayu bangkit menuntut kemerdekaan. Ekoran daripada tuntutan ini, kerajaan Siam telah memperkenalkan dasar-dasar yang melemahkan orang Melayu seperti proses “Pecah dan Perintah”, “Asimilasi” serta penangkapan dan pembunuhan pemimpin-pemimpin Melayu. Polisi yang diperkenalkan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan isu-isu lain yang lebih dramatik seperti pertukaran identiti Melayu kepada Siam dalam usaha untuk menghapuskan budaya Melayu, agama Islam, bangsa Melayu dan bahasa Melayu di Selatan Thailand. Keadaan inilah yang menjadi punca kepada tindakan-tindakan yang ingin menuntut hak politik sehingga merebak kepada pengabaian ekonomi, pendidikan, pembangunan infrastruktur, sosio-budaya dan sebagainya lagi terhadap orang Melayu di Selatan Thailand.

1.4.1 Definisi Konflik

Menurut Peter Wallensteen dalam bukunya yang berjudul *Understanding Conflict Resolution : A Framework* berpendapat konflik adalah keadaan sosial di mana sekurang-kurangnya dua pihak bertujuan untuk mendapatkan sumber-sumber yang terhad pada masa yang sama.²⁶ Manakala Morton Deutcsch pula dalam bukunya yang berjudul *The Resolution of Conflict: Constructive and Destructive Process* menyatakan konflik wujud apabila aktiviti-aktiviti yang bertentangan atau berlawanan berlaku, dan perbuatan atau aksi yang bertentangan dengan perbuatan yang asal itu menahan, menyekat, campur tangan, melukakan atau dengan cara yang lain menyebabkan perbuatan asal itu menjadi tidak berkesan²⁷. C.R. Mitchell pula

²⁶ Wallensteen, P. (1987) *Understanding Conflict Resolution: A Framework*, Colorado: Westview Press. hlm. 120.

²⁷ Deutcsch, M. (1973) *The Resolution of Conflict: Constructive and Destructive Process*, New Haven: Yale University Press. hlm. 10.

berpendapat bahawa “*Apabila berbincang mengenai konflik ataupun pertelagahan/perbezaan pendapat, perbezaan asas boleh dibuat di antara tiga komponen yang berkait: (i) situasi/keadaan konflik; (ii) tingkah laku/kelakuan (dalam) konflik; (iii) sikap dan pandangan mengenai konflik (tersebut)*”²⁸. Selain itu, Louis Kriesberg dalam bukunya yang berjudul *Social Conflict* menyatakan konflik sosial wujud apabila dua atau lebih pihak percaya bahawa mereka mempunyai objektif-objektif yang bertentangan²⁹. Justeru itu, konflik merupakan keadaan di mana dua atau lebih pihak merasakan mereka mempunyai perbezaan atau pertelagahan atau pertindihan matlamat dan tujuan sehingga memaksa mereka bertindak atau melakukan sesuatu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mencapai matlamat tersebut. Dengan ini, konflik yang berlaku di Selatan Thailand mempunyai hubung kait dengan definisi di atas dimana wujudnya pertentangan matlamat di antara kerajaan Thailand dengan orang Melayu Islam Patani dalam merebut hak politik pemerintahan ke atas empat wilayah di Selatan Thailand. Keadaan ini menyebabkan konflik berlaku secara berterusan kerana kedua belah pihak berusaha sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mencapai matlamat mereka tersebut. Bagi kerajaan Thailand, matlamat mereka adalah untuk mengekalkan empat wilayah Melayu di Selatan Thailand menjadi sebahagian daripada negara Thailand sejajar dengan perlombagaan negara. Manakala matlamat orang Melayu khususnya kumpulan gerakan pemisah ingin mendapatkan hak pemerintahan sendiri dengan menjadikan Patani sebuah negara yang berdaulat sepetimana yang dimiliki sebelum ia dijajah oleh kerajaan Siam pada tahun 1786.

Tambahan pula, keadaan konflik di Selatan Thailand juga melibatkan aktor-aktor tersembunyi yang mempengaruhi konflik ini secara langsung dan tidak

²⁸ Mitchell, C.R. (1981) *The Structure of International Conflict*, Basingstoke: Macmillan. hlm. 16.

²⁹ Kriesberg, L. (1982) *Social Conflict*, Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall. hlm. 17.


langsung. Menurut Johan Galtung dalam bukunya membincangkan tentang Segi tiga Konflik yang melibatkan hubungan kedua aktor konflik berbentuk asimetri dan simetri³⁰. Asimetri merujuk kepada keadaan di mana hubungan antara kedua aktor yang berkonflik ini salah satunya mempunyai kuasa atau keupayaan yang cukup besar atau tinggi berbanding dengan kelompok yang satu lagi. Keadaan ini dapat digambarkan dengan melihat hubungan konflik antara kerajaan Thailand yang mempunyai kuasa yang besar di mana mempunyai kuasa pemerintahan, kelengkapan tentera yang kuat, sumber ekonomi yang kukuh, daya moral yang tinggi berbanding Orang Melayu Patani yang mempunyai kuasa yang sedikit. Manakala hubungan simetri pula merujuk kepada hubungan kedua belah pihak mempunyai kuasa yang seimbang atau sama banyak. Selalunya konflik ini berlaku di antara dua buah negara yang mana sumber keupayaannya seperti ketenteraan, ekonomi, politik, sokongan luar adalah sama banyak³¹. Perang Dunia Kedua merupakan salah satu contoh konflik yang berbentuk simetri di mana blok pakatan dan bersekutu mempunyai daya kuasa yang sama banyak.

Hubungan asimetri mempunyai perbezaan keadaannya dalam hubungan Segi tiga Konflik berbanding hubungan simetri. Di sini, hanya dibincangkan Segi tiga Konflik dalam hubungan asimetri sahaja memandangkan kes kajian melibatkan hubungan seperti itu. Sebelum memahami hubungan dalam segi tiga konflik ini, adalah lebih baik untuk mengetahui elemen-elemen yang terdapat dalam segi tiga konflik ini. Dalam segi tiga konflik ini, ianya mempunyai tiga elemen yang saling berhubungan dan bergantungan antara satu sama lain. Antaranya ialah situasi konflik, sikap dan tingkah laku. Situasi konflik merujuk kepada keadaan di mana wujudnya pertentangan matlamat di antara kedua pihak yang berkonflik. Sikap pula

³⁰ Galtung, J. (1996) *Peace By Peaceful Means*, London: SAGE Publication. hlm.71-73.

³¹ Miall, H., Ramsbotham, O., Woodhouse, T. (1999) *Op.cit*, hlm. 12.

merujuk kepada emosi, perangai dan perkiraan manusia dalam kehidupan sehari-hari. Manakala tingkah laku pula merujuk kepada tindakan yang terbit daripada keputusan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkonflik. Hubungan antara situasi konflik dan sikap berlaku apabila pertentangan matlamat-matlamat mereka akan menghasilkan pandangan atau persepsi pihak-pihak yang berkonflik sama ada secara negatif atau positif. Selalunya pihak yang berkonflik yang menimbulkan persepsi yang negatif terhadap lawannya dan ini meningkatkan perasaan stereotaip dan prejedis dalam pemikiran mereka. Ekoran daripada itu, timbulnya tingkah laku yang memaksa atau memujuk bagi mendapatkan matlamat mereka. Selalunya keganasan merupakan elemen tingkah laku utama apabila konflik itu semakin memuncak. Apabila melibatkan tingkah laku yang ganas, intensiti konflik akan meningkat apabila ianya telah mempengaruhi sikap pelaku dan juga akan menimbulkan emosi seperti takut, marah dan benci³².



Rajah 1.1 Segi Tiga Konflik

Sumber : Galtung, J. 1969 dan C.R.Mitchell, 1981

1.4.2 Penyelesaian dan Transformasi Konflik di Selatan Thailand

Peter Wallensteen mentakrifkan penyelesaian konflik atau *Conflict Resolution* sebagai keadaan di mana pihak-pihak yang berkonflik menyertai perjumpaan untuk menyatakan persetujuan bagi menyelesaikan pertindihan


³² Galtung, J. (1996) *Op.cit*, hlm. 71-73.

matlamat, menerima pendapat pihak-pihak lain dan memberhentikan tindakan keganasan³³. Bagi konflik di Selatan Thailand, keadaan ini memang sudah sedia ada iaitu terdapat beberapa pihak mewakili kerajaan Thailand, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat sivil. Antara perkara yang pernah dilaksanakan untuk membantu menyelesaikan konflik termasuk penubuhan badan seperti *National Reconciliation Comission* (NRC), dan penubuhan kembali *Southern Border Provinces Administrative Center* (SBPAC). Manakala kelompok *Non-govermental Organization* (NGO) pula berperanan mengadakan program-program pembangunan sosial dari peringkat bawah khususnya di peringkat masyarakat kampung. Proses penyelesaian konflik merupakan satu elemen perdamaian yang mempunyai skop yang terlalu besar. Ia merangkumi proses-proses yang perlu dilalui oleh pihak yang terlibat dengan perdamaian. Perkara ini dikupas dalam bab 2.

Transformasi konflik juga merupakan salah satu elemen dalam penyelesaian konflik. Menurut Adam Curle proses hubungan yang berkonflik boleh berubah kepada hubungan yang damai dan ini dapat digambarkan melalui rajah perjalanan yang dilalui oleh konflik apabila ianya mengalami proses transformasi. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan perjalanan konflik di mana langkah pertama adalah keadaan di mana pihak yang berkonflik khususnya kelompok minoriti menyedari bahawa ada ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan konflik mereka dengan pihak lawan. Kesedaran ini timbul apabila pihak yang mempunyai kuasa yang besar cuba menekan dan pengaruhi mereka untuk melupakan hasrat mereka dan memberi kemenangan kepada pihak lawan. Keadaan ini timbul apabila mereka mendapat pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, di peringkat pertama adalah kesedaran atau menyedari kepada ketidakseimbangan kuasa [1]. Kemudian mereka

³³ Wallenstein, P. (2002) *Understanding Conflict Resolution*, London: SAGE Publication. hlm. 8.

menubuhkan organisasi dan terlibat dalam konfrontasi dengan pihak lawan [2]. Selanjutnya jika mereka serius untuk mencapai perdamaian, mereka akan melalui proses negosiasi [3]. Seterusnya pembangunan damai tercapai dengan adanya hubungan yang lebih adil [4]. Ini semua dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab 2.



Rajah 1.2 Mentransformasikan konflik yang tidak simetri

Sumber : Curle (1971) dari Miall dkk 1999, 13

Setiap langkah atau peringkat yang dilalui oleh pihak berkonflik dalam proses transformasi ini tidak semestinya melalui cara paksaan atau kekerasan. Ia juga boleh dilakukan secara tanpa paksaan seperti yang pernah dilakukan oleh Mahatma Gandhi mengguna cara membangunkan gerakan rakyat, meningkatkan solidariti, melakukan tunjuk perasaan bentuk demonstrasi dan menuntut perubahan³⁴.


Transformasi konflik juga boleh dibincangkan seperti dalam rajah 1.3. Transformasi konflik bertujuan untuk merubah kuasa asimetri yang tiada ketidakadilan di mana pihak yang mempunyai kuasa lebih tinggi menekan kelompok

³⁴ Lederach, J.P. (1997) *Building Peace Sustainable Reconciliation in Divided Societies*, Washington D.C.: United States Institute of Peace Press. hlm. 63-66. Lihat juga Miall, H., Ramsbotham, O., Woodhouse, T. *Op.cit*, hlm. 13.

minoriti yang mempunyai kuasa yang rendah. Seterusnya proses pencegahan akan dapat dilakukan diantara keduanya. Proses transformasi konflik yang dibincangkan oleh Francis dalam rajah 1.3 merujuk kepada model ketidakseimbangan kuasa yang menyebabkan wujudnya tekanan dan ketidakadilan dalam perhubungan. Keadaan ini juga lebih dilihat apabila konflik yang pada awalnya tersembunyi telah timbul akibat perasaan kecewa dan seterusnya menimbulkan kesedaran kelompok minoriti terhadap kelompok majoriti yang mempunyai kuasa yang lebih. Bermula dengan keadaan ini, maka timbulah tuntutan atau pergerakan kelompok minoriti untuk meningkatkan kuasa. Justeru, konflik akan berterusan apabila mereka memulakan konfrontasi. Konflik yang berada di tahap ini membolehkan pihak ketiga tampil dan mengubah situasi di mana konfrontasi tersebut akan diubah kepada proses negosiasi atau mediasi dalam masa yang sama akan dapat membentuk hubungan baru di antara kedua belah pihak. Dengan itu, hubungan yang pada mulanya mempunyai kuasa yang tidak seimbang akan diseimbangkan dan membentuk hubungan yang damai³⁵. Rajah 1.3 di sebelah menunjukkan perjalanan situasi konflik yang mengalami transformasi.

³⁵ *Ibid.*, hlm. 17.

Kekuasaan tidak seimbang



Rajah 1.3 Tahap-tahap dan Proses Transformasi Konflik

Sumber : Francis (1994) dari Miall dkk 1999, 17

Walau bagaimanapun, konflik di Selatan Thailand mesti ada pengubah situasi konflik dan langkah-langkah untuk membangun perdamaian. Dalam pendekatan teori yang disampaikan oleh Vayrynen (1991), langkah pendekatan itu telah dijelaskan oleh Vayrynen dengan mengenal pasti 5 pendekatan pengubahan konflik seperti berikut :

1. Transformasi konteks: konflik berkaitan dengan konteks masyarakat di serantau dan antarabangsa yang mempengaruhi suatu konflik. Perubahan konteks kadang-kadang mempunyai kesan yang besar ke atas konflik dalaman.
2. Transformasi struktur: merujuk kepada perubahan struktur kekuasaan, struktur hubungan dan ketidakseimbangan kuasa yang menjadi masalah dalam konflik. Dalam konflik asimetri, misalnya, transformasi dilakukan untuk merubah hubungan yang tidak seimbang antara pihak yang berkonflik,

- salah satu caranya boleh memperdayakan pihak yang lemah (misalnya dengan pengakuan, dukungan masyarakat antarabangsa atau medias)
3. Transformasi aktor: aktor yang berkonflik harus menentukan kembali atau mengubah matlamat lama mereka kepada matlamat, nilai dan kepercayaan yang baru. Perkara ini dapat berlaku dengan perubahan aktor dan pemimpin. Dalam banyak konflik berterusan, penggantian pemimpin sering menjadi agen kepada penyelesaian. Perubahan keadaan dan matlamat di peringkat penyokong juga termasuk dalam transformasi aktor ini. Pada peringkat ini perubahan selalunya berlaku secara perlahan dan tidak jelas.
 4. Transformasi isu: konflik ditentukan oleh kedudukan para pihak dalam mensikapkan suatu isu, jika mereka mengubahkan kedudukannya atau ada isu baru maka terjadilah perubahan pada konflik itu.
 5. Transformasi peribadi dan kumpulan: berkaitan dengan perubahan pemikiran dan pandangan ketua atau kumpulan. Curle (1971 dan 1981) menggunakan perubahan peribadi ini sebagai asas teorinya dalam mewujudkan perdamaian³⁶.

Berdasarkan teori-teori di atas transformasi konflik perlu juga menggunakan cara-cara lain seperti teori pembangunan perdamaian kerana langkah ini akan dapat mengubahkan situasi kepada perdamaian yang berkekalan. Contohnya lihat rajah 1.4 dan rajah 1.5 di bawah. Rajah 1.4 membahagikan tahap-tahap langkah untuk membangun perdamaian. Rajah 1.5 pula membincangkan pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan apabila menangani sesuatu situasi konflik. Kedua-dua rajah ini dibincangkan dalam Bab 2.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 156-157.